

Galak derma organ melalui media

Oleh NOOR FAZRINA KAMAL


TAHUKAH anda di Malaysia sejak tahun 1979, hanya seramai 229 penderma organ telah dicatatkan. Manakala, dalam tahun ini sahaja, seramai 23 orang penderma telah mendermakan 24 buah pinggang, empat hati, 34 kornea, 11 injak jantung dan tiga set tulang. Tetapi, berdasarkan statistik yang diberikan oleh Pusat Sumber Transplan Nasional, jumlah pesakit yang menunggu pendermaan untuk buah pinggang, jantung, paru-paru dan hati adalah seramai 4,181 orang. Manakala 6,162 orang lagi sedang dalam penilaian untuk dimasukkan ke dalam program ini. Cuba anda bayangkan berapa ramai pesakit yang mengharapkan ihsan anda supaya mereka diberi peluang menikmati kehidupan ini seadanya.

Buat julung kalinya Pusat Sumber Transplan Nasional mengadakan Kempen Media Pendermaan Organ 2008/2009 yang bertempat di Dewan Auditorium Hospital Kuala Lumpur.

Kempen media ini bertujuan untuk mendidik dan menyedarkan masyarakat akan betapa pentingnya menderma organ selepas kematian.

Pusat Sumber Transplan Nasional, sebuah agensi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersama-sama dengan pelbagai pihak termasuk agensi swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) giat menjalankan kempen serta promosi kepada masyarakat berkenaan pendermaan organ selepas kematian.

Majlis itu telah dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesedaran Awam Pendermaan Organ, Tan Sri Lee Lam Thye. Ia turut dihadiri oleh Ketua Penyelaras dan Pengurus Perolehan Transplan Kebangsaan, Datin Dr. Fadhliah Zowyah Lela Yasmin Mansor, serta wakil-wakil dari NGO.



PERPINDAHAN organ daripada penderma memberi sinar baru kepada penerima sekiranya organ itu bersesuaian dengannya. - Gambar hiasan

"Sejak pendaftaran pengikrar penderma organ dibuka, jumlah pengikrar tertinggi dicatatkan pada tahun 2000 iaitu seramai 16,625 orang, manakala yang rendah adalah pada tahun 1998, iaitu seramai 2,264 pengikrar.

"Bagi tahun 2008, setakat 31 Oktober, jumlah pengikrar berdaftar yang telah dicatatkan adalah seramai 10,142 orang yang menjadikan jumlah keseluruhannya seramai 120,838 orang," kata Lam Thye dalam kenyataan yang dikeluarkan baru-baru ini.

Beliau berkata, media memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat dan kesedaran kepada masyarakat dari berbilang latar belakang dan keturunan.

"Untuk mengajak dan menggalakkan

masyarakat berikrar sebagai penderma organ bukanlah satu tugas yang mudah, namun ia tidak mustahil untuk dilakukan. Salah satu caranya adalah dengan menyampaikan mesej melalui media massa. Oleh yang demikian, KKM telah memperuntukkan sebanyak RM2.4 juta bagi menjalankan Kempen Media Pendermaan Organ," tambah beliau.

Beliau menambah, Malaysia mencatatkan kadar kematian yang tinggi disebabkan kemalangan jalan raya.

"Sekiranya 10 peratus dari jumlah kematian itu mendermakan organ atau tisu, maka penderma hidup tidak lagi diperlukan," ujar beliau.

Kempen media besar-besaran ini, jelasnya, merangkumi siaran iklan

“Untuk mengajak dan menggalakkan masyarakat berikrar sebagai penderma organ bukanlah satu tugas yang mudah, namun ia tidak mustahil untuk dilakukan. Salah satu caranya adalah dengan menyampaikan mesej melalui media massa



<< LEE LAM THYE

televsyen selama 30 saat dalam bahasa Malaysia, Inggeris, Mandarin dan Tamil. Selain itu, media seperti media cetak juga memainkan peranan penting dalam menyebarkan mesej serta maklumat lanjut berkaitan pendermaan organ.

"Mesej yang cuba disampaikan dalam iklan-iklan ini ialah untuk menyatakan betapa pentingnya kesedaran umum tentang pendermaan organ," tambah beliau.

Pada majlis itu juga, logo Pusat Sumber Transplan Nasional dengan slogan 'A Gift of Life'. Kempen media ini dijangka tamat pada Februari 2009. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web www.agiftoflife.gov.my.